

Kesefahaman kunci kejayaan Negeri Sembilan Antlers

Oleh FADHILUL IZMEL ISHAK
izmel.ishak@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Kerjasama pasukan serta gandingan pemain yang sudah lama beraksi bersama telah menjadi rahsia kejayaan kepada Negeri Sembilan Antlers untuk menjuarai Liga Sepak Takraw (STL) buat kali kedua berturut-turut.

Negeri Sembilan Antlers mempertahankan kejuaraan dengan menewaskan Kuala Lumpur Thunder 2-0 di Stadium MBSJ, Serdang Jaya, semalam dan pengurus pasukannya, Rahimy Rahim mengakui gembira dengan dengan kejayaan pasukannya.

"Alhamdulillah, tahun ini rezeki sekali lagi berpihak kepada kami. Pemain memberikan kerjasama dengan baik sepanjang kejohanan malah mereka juga sudah lama bergandingan bersama."

"Untuk aksi final ini, kami ada memberitahu kepada pemain untuk kuatkan mental mereka dan beraksi seperti biasa dan tidak meletakkan tekanan kepada diri sendiri."

"Walaupun kami turun sebagai juara bertahan namun lebih selesa untuk bergelar sebagai pasukan *underdog*. Tekanan se-



PASUKAN Negeri Sembilan Antler meraikan kejayaan menjuarai Liga Sepak Takraw 2024 selepas menumpaskan Kuala Lumpur Thunder dalam perlawanan akhir di Stadium MBSJ, Serdang Jaya, kelmarin.

- UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI

mestinya ada dan kami sasarkan berserta piala malah dua pentuk menang aksi ini namun kami tetap menghormati lawan," katanya ketika ditemui pemberita selepas aksi final kelmarin.

Negeri Sembilan Antlers membawa pulang RM30,000 terbaik mendapat RM1,000.

bersama piala malah dua pentuk menang aksi ini namun kami tetap menghormati lawan," dianugerahkan sebagai Pemain Paling Bernilai (MVP) untuk menerima RM1,500 manakala Zulfendi Sumari muncul apit kiri terbaik mendapat RM1,000.

Sementara itu, Haziq mengakui berasa bersyukur apabila dapat mempertahankan kejayaan dua tahun berturut-turut malah tidak menyangka dinobatkan sebagai MVP kejohanan.